



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 53
No. 3

3hb Februari 2000

TAMBAHAN No. 5
PERUNDANGAN

Phg. P.U. 38.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (MAJLIS DAERAH MARAN) 2000

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Maran membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut: Akta 171.

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehkan dinamakan **Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Maran) 2000** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*. Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

(2) Undang-undang Kecil ini hanya terpakai dalam kawasan Majlis Daerah Maran.

2. (1) Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain: Tafsiran.

“arkitek berdaftar” ertinya seseorang yang didaftarkan sebagai sedemikian di bawah Akta Arkitek 1967; Akta 117.

“fee lesen” ertinya lesen fee yang kena dibayar di bawah undang-undang kecil 9;

“iklan” ertinya apa-apa pemberitahuan, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan, ditunjukkan atau didirikan bagi maksud memberitahu orang ramai mengenai apa-apa barang, keluaran, pengeluaran, tred,

perniagaan, profesion, firma, perbadanan, organisasi, institusi, tempat, premis, peristiwa, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain, di atas apa-apa papan dendeng, papan, bumbung, dinding, pagar berpancang, pagar, pokok, rangka, plat kain, rintangan, tiang, tonggak, dawai, salutan atau mana-mana struktur atau perekaan lain, atau mana-mana bahagiannya di atas atau di dalam mana-mana bangunan, jalan atau tempat peranginan awam, atau di atas mana-mana tanah, dan termasuklah tanda langit, poster, tanda arahan dan papan tanda tetapi tidaklah termasuk suatu iklan pilihanraya;

“iklan pilihanraya” mempunyai makna yang sama seperti dalam *Phg. P.U. 7/90.* Undang-undang Kecil Iklan Pilihanraya (Majlis Daerah Maran) 1996;

“jurutera awam berdaftar” atau “jurutera struktur berdaftar” ertinya orang yang didaftarkan sebagai sedemikian di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967; *Akta 138.*

“lesen” ertinya lesen untuk mempamerkan iklan yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 7;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Maran;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Majistret;

“papan tanda” ertinya mana-mana papan yang menunjukkan nama atau cap dagangan berdaftar mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan atau jenis tred, perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh orang, firma, perbadanan atau pertubuhan itu;

“poster” ertinya iklan yang bukan dari jenis iklan perdagangan yang kekal dan berukuran tidak lebih dari 60 sentimeter kali 90 sentimeter;

“tanda arahan” ertinya pertunjukan dengan apa-apa akan cap dagangan berdaftar atau jenis tred, perniagaan, atau profesion mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan dan dimaksudkan untuk menunjukkan jalan ke premis di mana papan tanda tidak dapat dilihat dari jalan;

“tiang poster” ertinya tiang yang disediakan oleh Majlis untuk pertunjukan poster-poster.

(2) Dalam Undang-undang Kecil ini, sebutan mengenai orang yang mempamerkan sesuatu iklan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai orang yang, sendirinya atau melalui penjawat atau ejennya, mempamerkan atau mengarah supaya dipamerkan iklan itu dan hendaklah disifatkan sebagai termasuk—

(a) pemunya atau penduduk tanah di mana iklan itu dipertunjukkan; dan

perniagaan, profesion, firma, perbadanan, organisasi, institusi, tempat, premis, peristiwa, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain, di atas apa-apa papan dendeng, papan, bumbung, dinding, pagar berpancang, pagar, pokok, rangka, plat kain, rintangan, tiang, tonggak, dawai, salutan atau mana-mana struktur atau perekaan lain, atau mana-mana bahagiannya di atas atau di dalam mana-mana bangunan, jalan atau tempat peranginan awam, atau di atas mana-mana tanah, dan termasuklah tanda langit, poster, tanda arahan dan papan tanda tetapi tidaklah termasuk suatu iklan pilihanraya;

“iklan pilihanraya” mempunyai makna yang sama seperti dalam Undang-undang Kecil Iklan Pilihanraya (Majlis Daerah Maran) 1996;

Phg. P.U. 7/90.

“jurutera awam berdaftar” atau “jurutera struktur berdaftar” ertinya orang yang didaftarkan sebagai sedemikian di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967;

Akta 138.

“lesen” ertinya lesen untuk mempamerkan iklan yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 7;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Maran;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Majistret;

“papan tanda” ertinya mana-mana papan yang menunjukkan nama atau cap dagangan berdaftar mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan atau jenis tred, perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh orang, firma, perbadanan atau pertubuhan itu;

“poster” ertinya iklan yang bukan dari jenis iklan perdagangan yang kekal dan berukuran tidak lebih dari 60 sentimeter kali 90 sentimeter;

“tanda arahan” ertinya pertunjukan dengan apa-apa akan cap dagangan berdaftar atau jenis tred, perniagaan, atau profesion mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan dan dimaksudkan untuk menunjukkan jalan ke premis di mana papan tanda tidak dapat dilihat dari jalan;

“tiang poster” ertinya tiang yang disediakan oleh Majlis untuk pertunjukan poster-poster.

(2) Dalam Undang-undang Kecil ini, sebutan mengenai orang yang mempamerkan sesuatu iklan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai orang yang, sendirinya atau melalui penjawat atau ejennya, mempamerkan atau mengarah supaya dipamerkan iklan itu dan hendaklah disifatkan sebagai termasuk—

(a) pemunya atau penduduk tanah di mana iklan itu dipertunjukkan; dan

(b) mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan yang mengenai barang-barang, tred, perniagaan, profesion, peristiwa atau lain-lain urusannya, publisiti diberikan dengan iklan itu.

3. (1) Bahasa Malaysia hendaklah digunakan bagi semua iklan sama ada ianya sahaja atau bersama dengan apa-apa bahasa lain.

Bahasa iklan

(2) Jika Bahasa Malaysia digunakan bersama dengan apa-apa bahasa lain dalam sesuatu iklan, perkataan-perkataan dalam Bahasa Malaysia itu hendaklah berukuran lebih besar, dan ditunjukkan dengan lebih jelas dari segi keutamaan visual dan kedudukan, daripada perkataan-perkataan dalam mana-mana bahasa lain itu.

(3) Tiada seorangpun boleh mempamerkan atau menyebabkan atau membenarkan dipamerkan mana-mana iklan yang tidak mematuhi perenggan (1) dan (2).

(4) Walau apa pun peruntukan perenggan (3), jika nama sesuatu firma, Syarikat atau persatuan sebagaimana yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat 1965, atau Akta Pertubuhan 1966, terdiri dari atau termasuk perkataan-perkataan yang bukan dalam Bahasa Malaysia, adalah tidak perlu untuk menterjemahkan perkataan-perkataan itu ke dalam Bahasa Malaysia.

*Akta 197.
Akta 125.
Akta 335.*

4. Jika ternyata kepada Majlis bahawa terdapat penggunaan Bahasa Malaysia yang tidak betul dalam mana-mana iklan, Majlis boleh melalui notis bertulis memerintahkan orang yang telah mempamerkan iklan itu, atau yang telah menyebabkan atau membenarkan iklan itu dipamerkan, mengubah iklan itu untuk membetulkan kesalahan itu mengikut apa-apa cara dan dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis dalam notis itu.

NOTIS

5. Tertakluk kepada undang-undang kecil 18, tiada seorangpun boleh mempamerkan atau menyebabkan dipamerkan apa-apa iklan kecuali di bawah dan menurut suatu lesen yang dikeluarkan oleh Majlis.

Pelesenan iklan-iklan

6. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan lesen untuk mempamerkan iklan hendaklah dibuat kepada Majlis dalam Borang A dalam Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan—

Permohonan bagi mendapatkan lesen.

(a) dua salinan lakaran yang menunjukkan detail penuh iklan itu;

(b) jika berkenaan, pelan tapak atau pelan tempat yang menunjukkan kedudukan iklan itu;

(c) jika berkenaan, pelan struktur yang hendak didirikan bagi maksud mempamerkan iklan itu bersama dengan perakuan seorang arkitek berdaftar yang memperakukan bahawa struktur itu akan berada dalam keadaan tegap dan kukuh selama tempoh iklan itu dijangka hendak dipamerkan; dan

(d) fee lesen.

(2) Jika sesuatu iklan hendak dilekatkan kepada bangunan, Majlis boleh, sebagai tambahan kepada kehendak-kehendak di bawah perenggan (1), menghendaki pemohon mengemukakan suatu taksiran bertulis oleh seseorang jurutera awam atau jurutera struktur berdaftar mengenai kekukuhan struktur bangunan itu atau bahagian bangunan di mana iklan itu hendak dilekatkan.

(3) Majlis boleh menghendaki seseorang pemohon mendeposit dengannya sejumlah wang yang tidak lebih daripada tiga ribu ringgit.

Pengeluaran
lesen.

7. (1) Apabila menerima permohonan, Majlis boleh, apabila dibayar fee lesen dan apa-apa deposit yang dikehendaki, mengeluarkan kepada pemohon suatu lesen untuk mempamerkan iklan dalam Borang B dalam Jadual Pertama.

(2) Majlis boleh mengenakan pada mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah perenggan (1) apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut dikenakan.

(3) Pemegang lesen hendaklah mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan pada lesen.

Pembaharuan
lesen.

8. (1) Sesuatu lesen boleh dari semasa ke semasa diperbaharui atas pembayaran fee lesen.

(2) Sesuatu permohonan bagi memperbaharui lesen hendaklah dikemukakan sebelum tarikh tamatnya lesen itu dan hendaklah disertakan dengan fee lesen.

Fee lesen.

9. Fee lesen yang kena dibayar bagi jenis iklan yang dinyatakan dalam ruangan pertama Jadual Kedua hendaklah dihitung mengikut kiraan bulanan dan mengikut kadar yang ditetapkan dalam ruangan kedua Jadual tersebut.

Fee lesen
hendaklah dibayar
balik jika lesen
tidak dikeluarkan.

10. (1) Majlis boleh enggan mengeluarkan atau memperbaharui sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab baginya.

(2) Jika Majlis enggan mengeluarkan atau memperbaharui sesuatu lesen ia hendaklah membayar balik fee lesen sepenuhnya kepada pemohon.

(3) Jika pemohon menarik balik permohonannya sebelum ia ditimbang oleh Majlis, maka Majlis boleh melucutkan separuh daripada fee lesen yang dikemukakan bersama dengan permohonan itu.

Pengkenselan
lesen.

11. (1) Majlis boleh, tanpa memberi apa-apa sebab baginya, mengkenselkan sesuatu lesen: dengan syarat bahawa sebelum mengkenselkan lesen itu Majlis hendaklah memberi satu bulan notis secara bertulis akan cadangannya hendak berbuat demikian kepada pemegang lesen.

(2) Jika sesuatu lesen dikenselkan, orang yang mempamerkan iklan itu hendaklah menurunkan iklan yang berkaitan dengan lesen itu dalam tempoh empat belas hari daripada tarikh pengenselkan itu.

(3) Jika sesuatu lesen dikenselkan di bawah undang-undang kecil ini tiada pampasan akan dibayar kepada mana-mana orang tetapi sekian banyak daripada fee lesen itu yang berkadaran dengan tempoh lesen yang belum tamat hendaklah dibayar balik kepada pemegang lesen.

12. Tertakluk kepada undang-undang Kecil 16(3), deposit di bawah undang-undang kecil 6(3) hendaklah dibayar balik kepada orang yang mempamerkan iklan selepas habis tempoh atau pembatalan lesennya dan iklan itu diturunkan.

Pembayaran balik deposit.

13. (1) Tiada iklan yang tingginya kurang daripada 5 meter yang diukur tegak dari lorong jalan boleh mengunjur lebih daripada 0.5 meter melebihi garisan sempadan jalan.

Ketinggian dan pelunjuran iklan, dsb.

(2) Tiada iklan yang tingginya adalah atau melebihi lima meter diukur tegak dari lorong jalan boleh mengunjur lebih daripada 1.25 meter melebihi garisan sempadan jalan.

(3) Tiada iklan boleh sebahagian besarnya melindungi atau menghalang mana-mana tingkap atau ekzos asap yang terletak di dinding luar sesuatu bangunan.

14. (1) Apa-apa struktur, bersama dengan apa-apa lekapan pada sesuatu bangunan atau sebahagian daripada sesuatu bangunan, yang didirikan bagi maksud menunjukkan sesuatu iklan hendaklah diperakui sebagai kukuh dari segi struktur oleh seorang jurutera awam atau jurutera struktur berdaftar selama tempoh lesen itu dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual ketiga dan jika dikehendaki oleh Majlis, perakuan itu hendaklah termasuk kestabilan struktur bangunan atau sebahagian bangunan yang menyokong iklan itu.

Keselamatan struktur iklan.

(2) Apa-apa pelan yang dikemukakan di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah mematuhi keperluan mana-mana undang-undang Kecil bangunan yang sedang berkuatkuasa.

(3) Majlis boleh dalam sesuatu kes tertentu mengecualikan pemohon daripada kehendak perenggan (1).

15. (1) Majlis boleh melalui notis bertulis memerintahkan orang yang mempamerkan mana-mana iklan untuk mengecat semula, mengganti atau membersihkan iklan itu dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

Penyenggaraan iklan.

(2) Jika warna mana-mana iklan bercahaya yang berkemungkinan menyebabkan kekeliruan atau kegusaran kepada orang awam apabila iklan itu bercahaya, Majlis boleh melalui notis bertulis memerintahkan orang yang mempamerkan iklan itu menukarkan warnanya dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

Menurunkan
iklan.

16. (1) Majlis boleh memohon kepada Mahkamah bagi mendapatkan suatu perintah untuk diturunkan terus mana-mana iklan, termasuk mana-mana struktur yang didirikan khas untuk iklan itu, yang dipamerkan tanpa lesen atau yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini, atau jika pameran iklan itu ialah untuk kemajuan tred, perniagaan atau perusahaan yang haram.

(2) Apabila perintah Mahkamah didapatkan Majlis atau mana-mana pegawainya yang diberikuasa boleh memasuki mana-mana premis pada bila-bila masa yang berpatutan dan melaksanakan penurunan mana-mana iklan jika perintah penurunan itu masih tidak dipatuhi.

(3) Perbelanjaan yang ditanggung bagi penurunan di bawah perenggan (2) hendaklah ditanggung oleh orang yang mempamerkan iklan itu, dan Majlis boleh memotong perbelanjaan tersebut daripada mana-mana wang yang kena dibayar kepada orang itu di bawah undang-undang Kecil 12.

(4) Majlis boleh bagi maksud membaiki, mengecat semula atau membersihkan mana-mana tiang poster, menurunkan apa-apa poster dan, walaupun mungkin ada apa-apa tempoh bagi lesen yang belum tamat, tiada apa-apa amaun fee boleh dibayar balik kepada pemegang lesen.

Penalti am

17. Mana-mana orang yang melanggar, atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau apa-apa notis atau perintah Majlis, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pengecualian
daripada lesen.

18. (1) Tiada lesen dikehendaki bagi—

(a) sesuatu iklan yang luasnya tidak melebihi 2 meter persegi yang mengiklankan penjualan atau penyewaan tanah atau rumah jika iklan itu dipamerkan di atas tanah atau harta yang hendak dijual atau disewakan itu; dengan syarat bahawa tidak lebih daripada satu iklan penjualan atau penyewaan itu boleh dipamerkan mengenai mana-mana satu harta;

(b) sesuatu papan tanda kontraktor bangunan atau kejuruteraan awam yang luasnya tidak melebihi empat meter persegi jika papan tanda itu didirikan di atas harta di mana apa-apa kerja bangunan atau kejuruteraan awam sedang dijalankan; dengan syarat bahawa tidak lebih daripada satu papan tanda itu boleh dipamerkan mengenai mana-mana satu projek;

(c) sesuatu papan tanda kontraktor kecil yang luasnya tidak melebihi dua meter persegi yang didirikan berhubungan dengan sesuatu projek bangunan atau kejuruteraan awam; dengan syarat bahawa hanya satu papan tanda sahaja boleh

dipamerkan mengenai mana-mana satu projek dan papan tanda itu tidak boleh mengandungi apa-apa perkara bergambar;

- (d) satu tanda arahan berukuran tidak melebihi 0.3 meter persegi mengandungi nama orang atau firma, perbadanan atau pertubuhan, yang didirikan di atas sesuatu tapakbina yang diluluskan oleh Majlis;

(2) Walaupun tiada lesen dikehendaki bagi sesuatu iklan di bawah undang-undang kecil ini, iklan itu hendaklah dipamerkan mengikut undang-undang kecil 3, 13 dan 14.

19. Walaupun Majlis telah memberikan suatu lesen bagi mempamerkan sesuatu iklan atau walaupun Majlis telah mengecualikan pemohon daripada undang-undang kecil 14(1), Majlis tidaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang berlaku pada mana-mana orang oleh keruntuhan atau kegagalan struktur atau lekapan untuk iklan itu.

Majlis tidak bertanggungjawab terhadap keruntuhan struktur dsb.

20. (1) Majlis boleh, dengan bersyarat atau tanpa syarat, mengecualikan mana-mana orang patut daripada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

Pengecualian.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Undang-Undang kecil ini terpakai bagi iklan bagi tujuan mesyuarat masyarakat, aktiviti politik, seminar dan lain-lain aktiviti yang berkaitan.

JADUAL PERTAMA

BORANG A

(Undang-undang Kecil 6(1))

PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN IKLAN

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Maran

Tuan,

Saya

(Nama penuh dalam huruf besar)

K.P No. yang beralamat di
memohon untuk mendapatkan lesen iklan di bawah undang-undang kecil 6 (1) Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Maran) 2000.

2. Jenis iklan

3. Saiz Iklan: Amaun iklan:

.....
.....
.....

4. Tempat/tempat-tempat di mana iklan/iklan itu akan dipamerkan:

.....
.....
.....

5. Tempoh lesen: Dari 19
sehingga 19

6. Saya lampirkan—

- (a) dua salinan lakaran yang menunjukkan detail penuh iklan itu;
- (b) pelan/tapak* tempat yang menunjukkan tempat iklan itu;
- (c) pelan struktur yang hendak didirikan bagi maksud mempamerkan iklan itu dan juga perakuan seseorang arkitek berdaftar/jurutera struktur berdaftar**;
- (d) fee lesen sebanyak

Tarikh

.....
Tandatangan Pemohon

- * Lampiran jika berkenaan
- ** Potong yang tidak berkenaan.

BORANG B

(Undang-undang Kecil 7(1))

LESEN IKLAN

Nombor Resit: Rujukan Fail

Nama

Alamat

adalah dilesenkan oleh Majlis
untuk mempamerkan iklan/iklan berikut:

- (1)
- (2)
- (3)
- (4)

di

mulai dari 19 sehingga 19
tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

Bertarikh

.....
*Yang Dipertua
Majlis Daerah Maran*

JADUAL KEDUA

(Undang-Undang Kecil 9)

FEE LESEN

<i>Jenis Iklan</i>	<i>Fee Yang Kena Dibayar</i>	
1. Iklan yang tidak bercahaya: diukur meliputi keluasan bahagian untuk mempamerkan iklan itu dan termasuk apa-apa keluasan permukaan rangka atau penyangga	(a) Bagi meter persegi yang pertama atau sebahagian daripadanya	RM50.00 setahun
	(b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya	RM5.00 setahun
2. Iklan yang bercahaya: diukur meliputi keluasan bahagian untuk mempamerkan iklan itu dan termasuk apa-apa keluasan permukaan rangka atau penyangga	(a) Bagi dua meter persegi yang pertama	RM50.00 setahun
	(b) Bagi tiap-tiap satu meter tambahan atau sebahagian daripadanya	RM10.00 setahun
3. Iklan kecil: iklan yang saiznya tidak melebihi satu meter persegi dan bertujuan untuk dipamerkan lebih daripada satu iklan dari rekabentuk yang sama	(a) Bagi 100 iklan pertama atau sebahagian daripadanya	RM50.00 setahun
	(b) Bagi tiap-tiap tambahan 100 iklan atau sebahagian daripadanya	RM25.00 setahun
4. Sesuatu iklan yang terunjur lebih daripada limabelas sentimeter melebihi bangunan: diukur meliputi keseluruhan keluasan iklan itu termasuk rangka, dan jika pameran adalah di kedua-dua belah muka iklan itu tiap-tiap satu permukaan iklan itu hendaklah diukur	(a) Tidak bercahaya—	
	(i) bagi dua meter persegi pertama bagi satu iklan	RM100.00 setahun
	(ii) bagi tiap-tiap meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya bagi satu iklan	RM10.00 setahun
	(b) Bercahaya—	
	(i) bagi dua meter persegi pertama bagi satu iklan	RM200.00 setahun
	(ii) bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya bagi satu iklan	RM20.00 setahun

<i>Jenis Iklan</i>	<i>Fee Yang Kena Dibayar</i>	
5. Tanda langit: diukur meliputi keluasan ruang yang digunakan untuk mempamerkan tanda langit	Bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripadanya	RM100.00 setahun
6. Sepanduk	Bagi tiap-tiap satu sepanduk	RM10.00 sebulan

JADUAL KETIGA

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (MAJLIS DAERAH MARAN) 2000

(undang-undang kecil 14(1))

PENGESAHAN PELAN-PELAN STRUKTUR

(Untuk catatan di atas pelan yang dikemukakan untuk kelulusan)

Saya, seorang Jurutera Struktur/Jurutera
Awam Berdaftar dengan ini mengesahkan bahawa struktur untuk iklan dan bangunan
atau sebahagian dari bangunan untuk menyokong iklan adalah kukuh dari segi struktur
bagi tempoh dan saya mengaku bertanggungjawab sepenuhnya
ke atasnya.

.....
Jurutera

Diperbuat 28 Mac 1996.
[MDM/PK/007]

HUSIN BIN HJ. MOHD DIAH,
*Yang Dipertua,
Majlis Daerah Maran*

Disahkan 30 Mac 1996.
[SUK. Phg. (KT) 5478]

ABDUL MANAN BIN ABDUL RAHMAN,
*Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang*